

Headline	Program Pekerti elak seks bebas pelajar		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Oct 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	42	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	108 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,218
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,654



## Program Pekerti elak seks bebas pelajar

**S**UBANG JAYA: “Remaja sekolah yang sedang bercinta lazimnya tidak mahu hubungan dengan teman lelaki terpisah dan di sinilah peranan kami untuk mengelakkan pula mereka daripada terjebak dalam hubungan seks,” kata Ketua Unit Kesihatan Reproduksi Remaja Bahagian Reproduksi Manusia, Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Dr Hamizah Mohd Hassan.

Menurutnya, remaja

yang asyik dilamun cinta lazimnya akan membe-rontak sekiranya ada pihak yang cuba mengha-lang hubungan dengan teman lelaki dan di situlah perlunya pengetahuan yang dapat dijadikan panduan bagi mengelak terjadinya perkara yang lebih buruk.

Tambahnya, abstinen, iaitu tidak melakukan seks adalah cara paling berkesan untuk mengelak kehamilan luar nikah, namun pelajar terbabit perlu tahu cara untuk menolak pelawaan seks

dengan baik.

“Pelajar juga didedahkan dengan dua situasi iaitu yang memungkinkan atau membolehkan berlakunya hubungan seks dan perkara yang patut dibuat untuk mengelak seks daripada berlaku,” katanya ketika ditemui pada Program Projek Rintis Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (Pekerti) di Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 8, di sini, semalam.

Katanya, program Pekerti antara langkah diambil LPPKN di bawah Kemen-

terian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi mencegah dan menangani kes kehamilan.

Buat permulaan pada tahun pertama ini, Hamizah berkata, dua sekolah dari setiap 16 negeri dipilih menyertainya.

“Sejak dilaksanakan September lalu, seramai 240 murid dan pelajar lima sekolah rendah serta sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran mengikuti program Pekerti,” katanya.